

NO. SOALAN: 427

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH :

RUJUKAN : 10136

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing yang sah, bilangan pekerja yang pegang pas lawatan kerja sementara dan pas penggajian dan pas lawatan ikhtisas yang bekerja di tapak projek Forest City pada akhir bulan April 2017. Nyatakan bilangan pekerja asing tanpa dokumen di Forest City yang telah ditahan oleh pihak penguat kuasa dan bilangan yang memohon di bawah "Program Rehiring".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan terhadap permohonan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Pas Penggajian dan Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) oleh pemaju, kontraktor atau sub kontraktor yang dibuat di Jabatan Imigresen Negeri Johor, perangkaan pas-pas yang dikeluarkan bagi tahun 2014 hingga bulan April 2017 adalah seperti berikut :

TAHUN	PLKS	PAS PENGGAJIAN	PLIK
2014	355	149	824
2015	1102	219	261
2016	785	372	1157
2017 (sehingga April)	290	105	451
JUMLAH	2532	845	2693

Berdasarkan rekod semasa di Jabatan Imigresen Malaysia, tiada sebarang permohonan daripada majikan untuk mendapatkan pekerja asing di bawah Program *Rehiring* khusus untuk projek pembangunan di Forest City, Johor.

NO. SOALAN: 428

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH :

RUJUKAN : 10137

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan telah mengeluarkan kompaun kepada pemaju Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. (CGPV), kontraktor dan sub-kontraktor yang menggaji PATI di projek Forest City. Kalau ada, berapa kompaun telah dikeluarkan dan jumlah yang dikompaun.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan daripada satu operasi penguatkuasaan yang dijalankan pada 10 Mei 2017, seramai 12 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) warganegara China telah ditangkap dan didakwa di mahkamah bersabit hukuman di bawah Akta Imigresen 1959/63. Kesemua PATI berkenaan telah diusir keluar selepas dijatuhi hukuman oleh mahkamah. Kertas siasatan terhadap Tengyue Overseas Construction Sdn. Bhd. dan Evergrande Construction Sdn. Bhd. telah selesai dilakukan dan diangkat untuk keputusan Timbalan Pendakwaraya bagi tujuan pendakwaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]**

SOALAN : **429**

PR-1352-T01008

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan peruntukan yang diberi kepada BNBBC, Bahagian Komunikasi Strategik BN dan JASA pada tahun 2016 dan setengah tahun 2017. Apakah fungsi di antara JASA, Bahagian Komunikasi Strategik dan JASA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini hanya boleh memberi penjelasan berkaitan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian.

JASA melaksanakan program-program yang telah dirancang menggunakan peruntukan seperti yang telah diluluskan dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahun 2016 dan 2017.

SOALAN NO: 429

JASA berperanan untuk memberi penjelasan dan kefahaman kepada rakyat di setiap lapisan masyarakat tentang dasar-dasar kerajaan dan isu semasa melalui pelbagai medium sama ada komunikasi bersemuka, media baharu, media elektronik mahupun bahan bercetak.

Peranan JASA ini telah termaktub dalam Fungsi pertama JASA iaitu memberi penjelasan / penerangan dan mendidik rakyat memahami tentang dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa demi keharmonian rakyat dan keselamatan negara.

(i) Objektif JASA :

1. Membentuk masyarakat Malaysia yang berkeyakinan diri, matang, kukuh nilai moral dan berjiwa patriotik;
2. Menggalakkan persekitaran politik yang lebih kondusif bagi mendorong pencapaian proses integrasi nasional;
3. Menyedia dan memastikan penyebaran maklumat yang sistematik melalui media konvensional (perhubungan bersemuka, cetak dan elektronik) serta media sosial;
4. Melaksanakan pelbagai program dengan memberi penerangan kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa;
5. Menyediakan dan menganalisis laporan sosiopolitik, ekonomi, budaya dan agama;
6. Menjalankan Kajian Pendapat Awam bagi mendapatkan reaksi masyarakat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa; dan

(ii) Fungsi JASA :

1. Mengatur rancangan dan melaksanakan strategi, program, aktiviti bagi mendidik serta meyakinkan rakyat kepada pemimpin Negara.
2. Menggerakkan pembaharuan pemikiran ummah bagi menghadapi gelombang globalisasi dan teknologi maklumat.
3. Menangkis dakyah, fitnah, tohmahan dan pemikiran jumud serta ekstrimis agama di kalangan rakyat.
4. Membuat analisis pola dan sikap rakyat terhadap dasar-dasar Kerajaan.
5. Menjalankan penyelidikan dan menyediakan laporan isu - isu sosiopolitik dan agama.
6. Mengenalpasti dan memantau setiap isu yang boleh menggugat kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

RT29/430

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATIN MASTURA BINTI MOHD
DARIPADA YAZID [KUALA KANGSAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menangani pertambahan bilangan pelajar-pelajar yang mengalami gangguan mental .

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius berkaitan kes-kes murid yang mengalami gangguan mental. Oleh itu, antara usaha yang dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:

1. Program Minda Sihat dilaksanakan bagi mengenal pasti murid yang mempunyai masalah kesihatan mental dan tanda-tanda penyakit mental melalui saringan kesihatan mental dan memberi kemahiran kepada murid tentang cara-cara menangani tekanan emosi dan mengendalikan masalah emosi dengan berkesan.

2. Melaksanakan program yang memfokuskan kepada mempromosikan minda sihat dan menangani tekanan emosi dalam kalangan murid contohnya ceramah minda, sihat, pameran, program 5 minit minda sihat, lawatan dan pertandingan.
3. Meningkatkan kemahiran psikologi dan kaunseling kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam mengendalikan murid yang mengalami masalah emosi, tingkah laku dan permasalahan mental.
4. Merujuk murid yang mengalami masalah emosi dan psikologi dan mental kepada pentadbir sekolah dan ibu bapa/penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada Pakar Psikitrik Hospital atau Klinik-klinik Kesihatan bagi mendapatkan rawatan.
5. Bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam aspek penjagaan kesihatan mental, promosi dan pencegahan penyakit mental dalam kalangan murid sekolah.

RT29/430